

BUKU PANDUAN

PUSAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN KEUSAHAWANAN

Oleh;
Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan
(CGEE)
Universiti Malaysia Perlis

SALAM | MESRA | SENYUM
HAL EHUAL PELAJAR DAN ALUMNI | UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SENARAI KANDUNGAN

A. PRAKATA

ALUAN TNC HEPA.....	1
ALUAN PENGARAH.....	2
ALUAN EDITOR.....	3

B. PROFIL JABATAN

Pengenalan - Maklumat AM Pusat.....	4
Carta Organisasi.....	5
Butiran Perjawatan.....	6

C. FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

- Bahagian Kebolehpasaran Graduan.....7-8
- Bahagian Keusahawanan.....9-10

PROSEDUR / GARIS PANDUAN

- Bahagian Kebolehpasaran Graduan.....11-21
- Bahagian Keusahawanan.....22-26

SKOP

- Bahagian Kebolehpasaran Graduan.....27
- Bahagian Keusahawanan.....27

D. Butiran Jabatan.....	28
-------------------------	----

A. PRAKATA

ALUAN TNC HEPA



Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan (CGEE) merupakan pusat tanggungjawab penting dalam mensiapsiagakan para graduan dalam menempuhi alam pekerjaan dengan menyediakan peluang dan program-program pembangunan kerjaya graduan.

UniMAP sebagai sebuah Universiti Awam, diberi tanggungjawab bukan hanya untuk melahirkan graduan yang berkualiti dan holistik, tetapi juga perlu memastikan bahawa para graduan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan masa kini dan masa depan. Dalam era yang penuh dengan cabaran perubahan teknologi dan globalisasi, graduan kita perlu mampu beradaptasi dan memanfaatkan peluang yang ada.

Manakala, keusahawanan memainkan peranan yang semakin penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi. CGEE perlu menyediakan platform-platform dan memberi sokongan kepada para pelajar untuk mengembangkan semangat keusahawanan mereka dan mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang berpotensi. Graduan yang mempunyai kebolehan keusahawanan tidak hanya menjadi pencipta lapangan pekerjaan, tetapi juga agen perubahan kepada masyarakat.

Oleh itu, menjadi harapan saya agar CGEE di bawah Pejabat TNCHEPA UniMAP terus memperkukuhkan hubungan antara universiti, industri, dan komuniti untuk memastikan para graduan relevan dengan keperluan sebenar dunia pekerjaan dan ekonomi. Saya yakin dengan kerjasama dan usaha bersama, kita dapat menghasilkan graduan yang berdaya saing dan berkebolehan keusahawanan yang tinggi.

Sekian,
Salam I Mesra I Senyum

Prof. Ts. Dr. Mustafa Al Bakri Abdullah

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PRAKATA

ALUAN PENGARAH



Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dipanjatkan kesyukuran ke-Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan InayahNya jua yang telah memberi kekuatan agar dihasilkan buku info CGEE sebagai rujukan dan penyampai maklumat berkaitan Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan.

Dalam era pendigitilan dan kecerdasan buatan yang sentiasa berubah dengan cepat ini, kebolehpasaran graduan (GE) telah menjadi fokus utama bukan sahaja bagi institusi pendidikan, tetapi juga bagi industri dan ekonomi secara keseluruhan. CGEE bertekad untuk memastikan bahawa setiap graduan UniMAP dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang relevan dan dicari oleh majikan masa kini. Melalui pelbagai program pembangunan kerjaya dan hubungan rapat dengan pelbagai industri, kami berusaha untuk memastikan setiap keluaran graduan UniMAP berkeyakinan dan berkeupayaan tinggi untuk berjaya dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif. Kami percaya bahawa setiap individu memiliki potensi untuk menjadi usahawan yang berjaya, dan dengan sokongan yang tepat dari universiti dan pusat ini, kami berharap untuk mengilhami dan membantu membina generasi baru usahawan yang kreatif dan inovatif.

Sebagai salah satu PTJ sokongan kepada TNCHEPA, CGEE menyokong Teras ke-4, Pemantapan Ekosistem Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan dengan gaji setimpal. Alhamdulillah, 5 tahun trend GE UniMAP menunjukkan prestasi yang baik meningkat dari 84.6% ke 97.0% pada tahun 2022.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan kepada pusat ini dalam usaha kami untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan menggalakkan keusahawanan di kalangan mahasiswa terutamanya peranan yang dimainkan oleh pihak fakulti. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada staff CGEE yang telah bertungkus lumus tanpa mengira masa dan tenaga dalam usaha menghasilkan buku info ini dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar di samping menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh universiti.

Prof. Madya Dr. Mohd Najmuddin bin Mohd Hassan

Pengarah

Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan

PRAKATA

ALUAN EDITOR



Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan telah berjaya menghasilkan sebuah buku panduan berkaitan kebolehpasaran graduan dan keusahawanan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pada pandangan saya, buku ini amat bermanfaat kepada mereka yang terlibat dalam kebolehpasaran graduan dan keusahawanan di UniMAP terutamanya. Buku ini amat sesuai kepada pelajar, alumni dan juga staf UniMAP yang sering terdedah dengan pengendalian program berkaitan kebolehpasaran graduan dan keusahawanan.

Inisiatif penghasilan buku ini bermula dengan cadangan dari Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniMAP untuk memberi pendedahan tentang fungsi dan matlamat Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan di UniMAP. Ia dihasilkan bagi memberi kemudahan rujukan dan panduan kepada pembaca khususnya pelajar dan staf yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan fungsi CGEE. Oleh itu, buku ini amat penting untuk menjadi sebahagian daripada koleksi pembaca bagi mendalami aspek-aspek kebolehpasaran graduan dan keusahawanan.

Akhir kata, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada seluruh tenaga penulis dan mereka yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Komitmen dan usaha semua pihak yang menjadikan buku panduan CGEE ini terlaksana haruslah dipuji. Semoga segala perkongsian ilmu melalui buku ini dapat membantu menambah baik proses dan fungsi kebolehpasaran graduan dan keusahawanan di UniMAP secara amnya.

Sekian, terima kasih.

Pn. Wardah Hanim Md Nor

Penolong Pendaftar Kanan

Bahagian Kebolehpasaran Graduan

Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan

B. PROFIL JABATAN

PENGENALAN

Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan (CGEE) Universiti Malaysia Perlis telah ditubuhkan pada 1 September 2022. Sebelum tarikh penubuhan, pusat ini adalah dikenali sebagai Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat (CEICnet). Pusat ini bernaung di bawah pentadbiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) sepenuhnya.

Antara objektif utama Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan (CGEE) adalah untuk memperkasakan UniMAP dan pemegang taruh melalui penempatan pekerjaan pelajar, memupuk dan memberi inspirasi kepada UniMAP dan pemegang taruh dalam mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan dan juga meningkatkan, mempromosi dan menghubungkan kerjaya pelajar melalui keusahawanan, jaringan industri dan komuniti.

VISI & MISI

VISI

Melahirkan insan yang menyumbang kepada pembangunan UniMAP dan Pemegang Taruh.

MISI


Menjadi Pusat Transformasi Pelajar yang berdaya saing untuk pembangunan kebolehpasaran graduan dan Keusahawanan.

PROFIL JABATAN

CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI

Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan (CGEE)



PROFIL JABATAN

BUTIRAN PERJAWATAN (SEMASA)

BIL.	JAWATAN	TETAP	KONTRAK
1.	PENGARAH DS54	1	-
2.	TIMBALAN PENGARAH DS52	1	-
3.	PENOLONG PENDAFTAR KANAN N44	1	-
4.	PENOLONG PENDAFTAR N41	-	1
5.	PEMBANTU TADBIR KANAN N22	1	-
6.	PEMBANTU TADBIR N19	1	-
JUMLAH		5	1

C. FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

Bahagian Kebolehpasaran Graduan

1. Menjadi urusetia Mesyuarat JKP GE sekurang-kurangnya 3 kali setahun
2. Mengurus mesyuarat dalaman bersama TDHEPA dan wakil-wakil PPK berkaitan penyelarasan dan pelaksanaan program kebolehpasaran graduan.
3. Menyediakan kertas kerja bagi pelaksanaan program-program kebolehpasaran graduan kepada pihak pengurusan UniMAP.
4. Mengendalikan bengkel-bengkel berkaitan kebolehpasaran graduan dan kerjaya untuk pelajar dan staf
5. Mengurus serta memantau pelaksanaan program dan inisiatif bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan kepada seluruh pelajar UniMAP melalui:
 - program Karnival Kerjaya secara tahunan kepada bakal-bakal graduan dan pelajar-pelajar yang mencari penempatan latihan industri.
 - program Syarahan Kerjaya (Career Talk) sebagai pendedahan tentang peluang-peluang kerjaya yang tersedia (Program pillars 7).
 - program-program peningkatan kemahiran.
6. Menyediakan peluang-peluang kerjaya dengan merancang dan memantau penghantaran pelajar-pelajar tahun akhir ke sesi temuduga kerjaya di dalam dan luar kampus.
7. Menyelaras dan menyediakan fail kebolehpasaran graduan untuk audit dalaman SPK.
8. Mengadakan jaringan kolaborasi bersama rakan-rakan strategik bagi program-program berkaitan kebolehpasaran graduan.
9. Merancang dan mengadakan jalinan kerjasama dengan industri berkaitan kebolehpasaran graduan dan kerjaya melalui MoU atau MoA
10. Menguruskan lawatan dan mesyuarat bersama industri berkaitan kebolehpasaran graduan dan kerjaya
11. Menyelaras permohonan dana kebolehpasaran graduan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan agensi-agensi luar untuk tujuan pelaksanaan program-program peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran graduan pelajar UniMAP.
12. Memantau perbelanjaan peruntukan bagi program-program yang telah diluluskan oleh KPT.
13. Memantau perbelanjaan peruntukan bagi program-program yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan universiti.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

Bahagian Kebolehpasaran Graduan

1. Memantau tahap pelaksanaan kaji selidik Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG1.0) dan SKPG2.0 (Kemaskini).
2. Menyediakan analisa pencapaian kebolehpasaran graduan UniMAP berdasarkan dapatan SKPG1.0 dan SKPG2.0.
3. Menyediakan data-data kebolehpasaran graduan mengikut arahan UniMAP dari semasa ke semasa seperti keperluan MyRA, QS Star Rating dan sebagainya.
4. Mengurus dan memantau sistem resume atas talian bagi pelajar UniMAP iaitu e-Portfolio.
5. Merancang penambahbaikan untuk sistem e-Portfolio

Penglibatan dalam JK di Peringkat Kementerian/ Universiti

- Pegawai Fokal GE UA di KPT
- Mesyuarat Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan IPT
- Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP Bersama Pegawai Fokal Graduate Employability (GE)
- Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE
- AJK Majlis Kebolehpasaran Graduan Universiti-universiti Malaysia (MyGRAD)
- Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebolehpasaran Graduan (JKP GE), UniMAP

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

Bahagian Keusahawanan

1. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti keusahawanan diperingkat UniMAP dan nasional melibatkan program-program seperti berikut:
 - Pembudayaan Keusahawanan (Enculture) (Contoh: Latihan Entrepreneurship 101 dan Developing Entrepreneurial Skills & Mindset, Celcom Siswapreneur)
 - Program Pemerksaan Keusahawanan (Empower) (Contoh : Creating Young Event Organizers dan Family Entrepreneurship)
 - Program Sokongan Keusahawanan (Equip) (Contoh : SIPER, Creating Agropreneurs Among Hei Students and Community, Social Entrepreneur@Urban Community dan Program KPT - MEDAC Siswapreneur)
2. Menyediakan kertas cadangan/kerja program keusahawanan berimpak tinggi dengan fakulti bagi mendapatkan peruntukan luar untuk melaksanakan aktiviti dan program keusahawanan perniagaan (Business Entrepreneurship) atau keusahawanan social (Social Entrepreneurship)
3. Mengurus maklumat dan pelaporan yang diminta oleh UniMAP dan KPT (Pelaporan Aktiviti Setiap 2 Minggu & Pelaporan KPI setiap 6 Bulan)
4. Mengurus kerjasama keusahawanan dalaman UniMAP dan luaran (Contoh : industry – MEDEC, Tekun, Celcom dan Universiti Awam yang lain)
5. Dalam proses membangunkan Dasar Keusahawanan UniMAP selari dengan Pelan Induk Keusahawanan KPT dan UniMAP 2025 dan bengkel keusahawanan.
6. Menyelaras kemudahan-kemudahan keusahawanan yang terdapat di UniMAP (seperti : Kios dan K-Shoppe)
7. Mewujudkan tabung-tabung khusus berkaitan program Keusahawanan (seperti Tabung Keusahawanan Siswa dan Tabung Program-Program Keusahawanan)
8. Menyediakan pelaporan perbelanjaan kepada pihak yang memberi dana/kewangan
9. Membangunkan dan menyelaras borang-borang atas talian untuk penyertaan pelajar dalam program keusahawanan
10. Menyediakan data-data keusahawanan mengikut arahan UniMAP dan KPT
11. Menjadi urusetia kepada Jawatakuasa Teknikal Keusahawanan Universiti (JTKU), UniMAP

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

SENARAI FUNGSI UTAMA JABATAN

Bahagian Keusahawanan

1. Memantapkan dan memperkukuh program pembangunan keusahawanan melalui perancangan yang berfokus dan holistik;
2. Perlaksanaan Aktiviti/Program/Seminar/Latihan yang berstruktur dan berimpak tinggi kearah melahirkan usahawanan pelajar dan membentuk minda usahawan di kalangan warga kampus yang merangkumi 3 komponen utama iaitu Pembudayaan, Pengukuhan dan Pemantapan keusahawanan;
3. Menyediakan persekitaran dan ekosistem keusahawanan yang kondusif.
4. Mengurus dan mengawal selia pertandingan – pertandingan keusahawanan di peringkat dalam dan peringkat nasional (Seperti : MEA, Pertandingan Usahawan Muda)
5. Penyediaan makalah-makalah / penulisan berkaitan dengan keusahawanan di peringkat dalam dan peringkat nasional.
6. Menjadi penasihat kepada kelab-kelab keusahawanan pelajar (Contoh : Kelab Siswa TechnoPreneur)
7. Mengurus surat-menyurat dan fail pentadbiran ptj
8. Menjadi urusetia mesyuarat pentadbiran di peringkat ptj
9. Mengurus penilaian risiko ptj
10. Mengurus pematuhan MS:ISO 9001:2015 unimap
11. Menyelaras penyediaan piagam pelanggan PTj

Penglibatan dalam JK di Peringkat Kementerian/ Universiti

- Majlis Sekretariat Pengarah Pusat Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi, KPT (SPPK)
- Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti Malaysia (MAKMUM)
- JK Premis UniMAP
- Mesyuarat Penyediaan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT
- Mesyuarat Penyediaan Kamus Petunjuk Pretasi Utama (KPI) Keusahawanan KPT
- Mesyuarat Penyelarasan Pemohonan Program-Program Keusahawanan KPT
- Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti - Aktiviti Keusahawanan di Peringkat KPT & MEDAC/Agensi Swasta
- Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keusahawanan Universiti (JTKU), UniMAP
- Pelaporan Berkala Peruntukan Dana Keusahawanan ke KPT (Setiap 2 Minggu)
- Pelaporan Berkala Program KPT - MEDAC Siswapreneur (Setiap 2 Minggu)
- Pelaporan Berkala KPI Keusahawanan ke KPT (Setiap 6 Bulan)

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

Pengurusan Dana Intervensi Kebolehpasaran Graduan
- rujuk Garis Panduan Pengurusan Dana Intervensi
Kebolehpasaran Graduan yang dikeluarkan oleh Kementerian
Pengajian Tinggi

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini diadakan bertujuan memberi maklumat kepada semua staf UniMAP berkaitan permohonan dan pelaksanaan program PENJANA KPT- CAP (Career Advancement Programme)

2.0 KATEGORI PROGRAM

2.1 Place & Train

Program latihan kompetensi bersasar kepada peserta sebelum memulakan pekerjaan yang ditawarkan oleh industri

2.2 Keusahawanan

Program latihan keusahawanan yang mensasarkan penubuhan syarikat pemula dan berupaya mendapatkan bantuan pembiayaan kewangan

2.3 Gig Economy

Program latihan berkemahiran yang mampu membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui gig economy atau aktiviti berbentuk freelancing

3.0 KRITERIA PEMILIHAN PROGRAM

3.1 Program Berimpak Tinggi

Program yang memberikan impak dan nilai tambah kepada kemahiran graduan reskilling & upskilling

3.2 Peserta Program

Penyertaan program adalah dari kalangan pelajar yang telah bergraduan pada tahun 2019 ke atas yang belum mendapat pekerjaan

3.3 Sijil Diiktiraf

Sijil yang diperoleh adalah sijil kompetensi dari agensi diiktiraf (nilai tambah jika ada microcredential)

3.4 Jaminan Pekerjaan/Pembiayaan Kewangan

Program yang ditawarkan memberikan jaminan pekerjaan daripada syarikat yang menawarkan pekerjaan atau pembiayaan kewangan bagi program keusahawanan

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

3.5 Tempoh Kursus

Tempoh kursus minimum adalah selama enam (6) minggu

3.6 Pemilihan Tenaga Pengajar

Komposisi tenaga pengajar mestilah 40% staf IPT dan sekurang-kurangnya 60% tenaga pengajar daripada industri kecuali JMP ialah 60% staf IPT dan 40% adalah industri.

3.7 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 70% secara bersemuka.

3.8 Kadar per pelajar

Kos pengendalian program per pelajar adalah sebanyak RM5,280 bagi tempoh enam (6) minggu.

4.0 KRITERIA PEMILIHAN PESERTA

4.1 Kategori Peserta

Pelajar IPT yang telah bergraduan pada tahun 2019 ke atas yang belum pernah bekerja

4.2 Pertimbangan Program

Peserta hanya layak dipertimbangkan satu (1) program sahaja. Peserta perlu membuat pembiayaan sendiri sekiranya berminat untuk mengikuti lebih daripada satu (1) program yang diluluskan tersebut.

4.3 Tawaran Program

Graduan dari universiti awam boleh memohon program yang ditawarkan oleh mana-mana universiti hos selagi mana program tersebut memenuhi kriteria program yang telah ditetapkan.

4.4 Komposisi Peserta

Penglibatan pelajar UA luar adalah sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah peserta.

4.5 Lokasi

Program diadakan di IPT masing-masing atau berdekatan dengan kediaman tetap peserta.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

5.0 TERMA PELAKSANAAN PENJANA KPT CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME (PENJANA KPT-CAP)

5.1 Tempoh Pelaksanaan

- (i) Program hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam Surat Persetujuan Pelaksanaan Program yang ditandatangani oleh pihak universiti awam (UA)
- (ii) Sebarang pindaan kepada tarikh tersebut perlu dinyatakan secara bertulis kepada Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) selewat-lewatnya 14 hari bekerja daripada tarikh asal pelaksanaan program.

5.2 Penyaluran Dana

Dana untuk program yang diluluskan akan disalurkan kepada Bendahari Universiti setelah pihak Kementerian menerima Terma Pelaksanaan PENJANA KPT-CAP yang telah ditandatangani serta Surat Persetujuan Pelaksanaan Program yang lengkap dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh surat pemakluman kelulusan program.

5.3 Pengurusan Kewangan

- (i) Peruntukan kewangan yang disalurkan dalam amaun yang ditetapkan hanya boleh digunakan bagi program yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PENJANA KPT-CAP dan tidak boleh digunakan bagi sebarang program/tujuan lain di Universiti;
- (ii) Kesemua aspek pengurusan kewangan dan perolehan perlu dilaksanakan secara teratur, sistematik dan telus berdasarkan kepada tatacara kewangan dan perolehan kerajaan yang berkuatkuasa bagi mengelakkan sebarang ruang dan peluang ketirisan dalam pengurusan kewangan dan perolehan kerajaan;
- (iii) Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PENJANA KPT-CAP tidak boleh digunakan sebagai punca kuasa mutlak pembayaran dan melantik syarikat. UA masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan kerajaan yang berkuatkuasa atau pengecualian tertentu di UA; dan
- (iv) Kelulusan bagi proses rundingan terus antara pihak Universiti dengan syarikat pembekal bagi pelaksanaan program PENJANA KPT-CAP telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, pihak Universiti diminta untuk melaksanakan proses rundingan harga bersama syarikat yang telah dikenalpasti serta mengemukakan dokumen-dokumen perolehan seperti di senarai semak ke Jabatan Pendidikan Tinggi bagi tujuan pengesahan harga rundingan tersebut.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

5.4 Kaedah Pembayaran Program

- (i) Pembayaran secara berperingkat dilaksanakan bagi program PENJANA KPT-CAP iaitu sebanyak 70% bayaran dibuat kepada penyedia perkhidmatan setelah program selesai dilaksanakan. Pembayaran ini adalah berdasarkan kepada jumlah kehadiran peserta apabila program dilaksanakan;
- (ii) Baki 30% bayaran hanya akan dibuat setelah pelajar/peserta ditawarkan bekerja atau tajaan pembiayaan dan Kementerian berpuas hati dengan laporan yang dikemukakan. Bagi program Khas KPT, bayaran adalah berdasarkan kepada kelulusan bertulis daripada Kementerian; dan
- (iii) Sekiranya penyedia perkhidmatan gagal mencapai KPI yang dinyatakan di dalam surat kelulusan program, bayaran baki 30% hanya akan dikira berdasarkan jumlah peserta yang berjaya mendapatkan pekerjaan atau tajaan kewangan dan kadar ini akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PENJANA KPT-CAP.

5.5 Pelaporan dan Pemantauan

- (i) Tujuan pemantauan dan pelaporan adalah bagi memastikan program PENJANA KPT-CAP yang dilaksanakan oleh pihak Universiti adalah selaras dengan kelulusan kementerian;
- (ii) Pelaksanaan pemantauan program PENJANA KPT-CAP di peringkat Kementerian adalah berdasarkan dua (2) kaedah iaitu secara pemantauan mengejut atau melalui Mesyuarat Penyelarasan sebulan (1) selepas penyaluran dana dilaksanakan;
- (iii) Pihak universiti adalah bertanggungjawab penuh dalam memastikan kehadiran peserta dalam program seliaan memenuhi kuota yang telah dinyatakan dalam surat kelulusan;
- (iv) Pihak Universiti dikehendaki memastikan keselamatan peserta yang terlibat dalam program sentiasa terjamin dan tidak terdedah kepada sebarang risiko yang boleh mengganggu gugat keselamatan mereka. Pihak kementerian mensyaratkan agar insurans berkelompok dapat disediakan kepada para peserta bagi setiap program yang dianjurkan oleh penyedia perkhidmatan di bawah seliaan universiti;
- (iv) Pelaporan pelaksanaan program perlulah disediakan oleh Pegawai Fokal PENJANA KPT-CAP dan merangkumi butiran program yang dilaksanakan, senarai syarikat terlibat, status pekerjaan peserta yang dilatih dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP

(v) Mekanisme pelaporan pemantauan program adalah seperti berikut:

- a) Pelaporan rasmi program termasuk Lejar Kewangan Program serta gambar ketika program sedang berlangsung. Format laporan boleh didapati di menu Pentadbir di dalam Portal GREaT;
- b) Penghasilan video pendek berdurasi tiga (3) minit mengenai program berkenaan; dan
- c) Dikemukakan ke JPT selewat-lewatnya 3 bulan selepas program selesai.

(vi) Pelaksanaan tracer study ke atas pelajar bagi mendapatkan maklumat mengenai status pekerjaan disarankan untuk dilakukan sehingga tempoh enam (6) bulan selepas pelajar menamatkan latihan.

6.0 PROSES KERJA

6.1 Permohonan program

- a) Ketua program mengisi borang permohonan program
- b) Mesyuarat pemilihan di peringkat UniMAP
- c) Permohonan dihantar ke KPT untuk proses pemilihan

6.2 Kelulusan program

- a) Surat kelulusan dari KPT
- b) Pemakluman kelulusan kepada Dekan dan pelantikan ketua penyelarass program

6.3 Pelaksanaan Program

- a) Penyedia perkhidmatan melaksanakan proses gerak kerja bersama jawatankuasa program
- b) Memastikan jumlah peserta mencukupi
- c) Memantau kehadiran peserta

6.4 Laporan Akhir Program

- a) Penyedia perkhidmatan menyediakan laporan program selepas program selesai
- b) Menghantar laporan bagi tujuan pembayaran

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini diadakan bertujuan memberi maklumat kepada semua staf UniMAP berkaitan permohonan dan pelaksanaan program PENJANA KPT- PACE (Professional Certification)

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 KPT-PACE merupakan program peningkatan kemahiran dan pengukuhan kompetensi pelajar tahun akhir dan graduan melalui pensijilan profesional berasaskan kepakaran dan kompetensi mengikut bidang.

2.2 Definisi Pensijilan Profesional

2.2.1 Pensijilan Berasaskan Bidang Profesion/Kepakaran

Pensijilan ini adalah berasaskan kepakaran dalam bidang tertentu seperti perubatan, perakaunan, teknologi dan lain-lain

2.2.2 Pensijilan Pengukuhan Kompetensi Berasaskan Bidang

Pensijilan seumpama ini adalah untuk meningkatkan kompetensi khusus dalam bidang pengajian masing-masing

3.0 OBJEKTIF KPT-PACE

3.1 Memberi nilai tambah dalam bentuk sijil profesional kepada kelayakan sedia ada pelajar

3.2 Meningkatkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri

3.3 Meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang profesional

4.0 KRITERIA PEMILIHAN PROGRAM

4.1 Program Diiktiraf

Program profesional yang diiktiraf oleh badan profesional atau industri

4.2 Pembayaran Yuran

Kos program setiap pelajar hanya meliputi yuran program / yuran peperiksaan sahaja

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

4.3 Tempoh Kursus

Mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh pemberi pensijilan masing-masing

5.0 KRITERIA PEMILIHAN PESERTA

5.1 Warganegara Malaysia

5.2 Pelajar IPT yang masih aktif dan berada pada tahun akhir pengajian atau telah bergraduasi

5.3 Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana. Untuk pelajar Sarjana, hanya mereka yang tidak bekerja layak dipertimbangkan

5.4 Pelajar hanya dibenarkan untuk mengikuti satu (1) program sahaja

6.0 PELAKSANAAN BAUCAR KPT-PACE

6.1 Siling kos per pelajar dikekalkan pada RM3,000 dan jika kos pensijilan adalah melebihi amaun tersebut maka pelajar atau IPT perlu menanggung kos berkenaan

6.2 Pelaksanaan program tidak terikat dengan jaminan pekerjaan tetapi perlu ada pemantauan terhadap kebolehpasaran peserta yang mengikuti program ini (tracer study).

6.3 Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu PENJANA Baucar KPT-PACE di peringkat UA membuat penilaian dan mengesyorkan keperluan baucar.

6.4 UA mengemukakan jumlah bilangan baucar yang diperlukan (nama pensijilan, badan pensijilan, senarai peserta dan kos) kepada KPT.

6.5 Permohonan yang diperakukan dibentangkan dalam JK Pemandu KPT.

6.6 IPT dimaklumkan keputusan JK Pemandu.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

6.7 KPT menyalurkan peruntukan yang diluluskan.

6.8 KPT memantau perbelanjaan baucar melalui pelaporan daripada IPT.

7.0 PERANAN IPT

7.1 Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu.

7.2 Mengenal pasti pelajar yang akan mengambil pensijilan.

7.3 Menentukan pensijilan profesional.

7.4 Mengenal pasti kaedah Penambahan Kos Baucar:

- Top-up oleh IPT
- Top-up oleh pelajar
- Top-up oleh industri (CSR / berdasarkan keperluan industri [investment for future workers])

7.5 Menentukan mekanisme tuntutan Baucar melalui Bendahari IPT

7.6 Mengemukakan pelaporan secara berkala kepada KPT (Bilangan pelajar yang akan, sedang dan telah dilatih; jenis pensijilan; badan profesional yang mengeluarkan pensijilan; jumlah kos; jumlah top-up; dan lain-lain.)

8.0 JAWATANKUASA TEKNIKAL PENJANA BAUCAR KPT-PACE UA

8.1 UA hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal dengan keahlian terdiri daripada pengawai Kumpulan Pengurusan sekurang-kurangnya tiga (3) orang, iaitu seorang Pegawai Penyelaras

8.2 KPT-PACE UA sebagai pengerusi dan dua (2) orang ahli yang terdiri daripada pengawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

8.3 Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh sekurang-kurangnya Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

8.4 Tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal PENJANA Baucar KPT-PACE UA adalah seperti berikut:

8.4.1 Meneliti dan menilai pematuhan cadangan permohonan terhadap spesifikasi teknikal seperti berikut:

- Menyatakan skop dan objektif program yang mensasarkan kepada peningkatan
- kebolehpasaran graduan melalui persijilan profesional;
- Kumpulan sasaran bagi program tersebut; dan
- Senarai agensi Kerajaan dan swasta yang mengiktiraf persijilan program tersebut.

8.4.2 Memantau pelaksanaan program yang telah diluluskan oleh KPT dan menyediakan pelaporan.

9.0 JAWATANKUASA PEMANDU PENJANA BAUCAR KPT-PACE UA

9.1 UA hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu dengan keahlian terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang, iaitu Pengarah atau Timbalan Pengarah Bahagian Akademik sebagai pengerusi dan dua (2) orang ahli yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

9.2 Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh sekurang-kurangnya Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

9.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu PENJANA Baucar KPT-PACE UA adalah seperti berikut:

9.3.1. Mempertimbang, memperaku dan meluluskan permohonan yang disyorkan melalui Jawatankuasa Teknikal Baucar KPT-PACE UA untuk dihantar kepada urusetia di JPT untuk kelulusan selanjutnya;

9.3.2 Meneliti dan memperaku syor terhadap laporan pemantauan sebagaimana yang diusulkan Jawatankuasa Teknikal Baucar KPT-PACE UA; dan

9.3.3 Memberi khidmat nasihat dan membuat keputusan bagi tujuan penambahbaikan berhubung isu yang timbul berkaitan pelaksanaan program Baucar KPT-PACE di UA dari semasa ke semasa

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

Permohonan Dan Pelaksanaan Program PENJANA KPT-PACE

10.0 PROSES KERJA

10.1 Permohonan program

- a) Ketua program mengisi borang permohonan program
- b) Mesyuarat pemilihan di peringkat UniMAP
- c) Permohonan dihantar ke KPT untuk proses pemilihan

10.2 Kelulusan program

- a) Surat kelulusan dari KPT
- b) Pemakluman kelulusan kepada Dekan dan pelantikan ketua penyelarass program

10.3 Pelaksanaan Program

- a) Penyedia perkhidmatan melaksanakan proses gerak kerja bersama jawatankuasa program
- b) Memastikan jumlah peserta mencukupi
- c) Memantau kehadiran peserta

10.4 Laporan Akhir Program

- a) Penyedia perkhidmatan menyediakan laporan program selepas program selesai
- b) Menghantar laporan bagi tujuan pembayaran

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

BAHAGIAN KEUSAHAWANAN

Matlamat pendidikan keusahawanan di IPT Malaysia adalah untuk melahirkan graduan berciri keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari. Graduan berciri keusahawanan merupakan graduan yang mempunyai pemikiran dan sifat usahawan. Pada masa yang sama, Bahagian keusahawanan, Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Keusahawanan juga perlu melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar yang mempunyai daya saing tinggi, mampu menguruskan perniagaan pada masa hadapan, mewujudkan peluang pekerjaan baharu, dan menyumbang kepada ekonomi negara. Ini didorong oleh tiga (3) teras utama Pelan Tindakan Keusahawanan IPT iaitu, Teras 1: Ekosistem Keusahawanan Bersinergi, Teras 2: Kolaborasi Berimpak Tinggi, dan Teras 3: Inovasi dan Teknologi dalam Keusahawanan. Setiap Teras, Strategi dan Inisiatif disokong oleh tadbir urus, integriti, nilai dan risiko terhitung dengan asas yang kukuh. Justeru, Bahagian keusahawanan memainkan peranan utama dalam memperkasa teras-teras tersebut di peringkat institusi masing-masing.



Teras 1: Ekosistem Keusahawanan Bersinergi

memerlukan hubungan dan kolaborasi erat antara elemen sektor keusahawanan, termasuklah pihak universiti, industri, kerajaan dan komuniti. Teras ini menentang tiga (3) strategi pengajaran dan pembelajaran secara bersinergi untuk melahirkan usahawan pelajar yang mampu mencipta peluang pekerjaan dan meningkatkan keupayaan pendidik dalam bidang keusahawanan.

Teras ini didorong oleh enam belas (16) inisiatif dan diukur oleh tiga (3) KPI iaitu peratusan usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan di dalam kampus sambil belajar, peratusan usahawan siswazah yang memulakan perniagaan setelah tamat pengajian, dan bilangan tenaga pengajar yang mempunyai keupayaan keusahawanan.

Tiga (3) strategi tersebut ialah:

- Strategi 1:** Memperkasa Sistem Sokongan Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan Keusahawanan
- Strategi 2:** Menghasilkan Pelajar yang Mampu Menjana Peluang Pekerjaan Melalui Bidang Keusahawanan (Penjana Pekerjaan)
- Strategi 3:** Meningkatkan Bilangan Pendidik dengan Keupayaan Keusahawanan

16 Inisiatif
3 KPI

Teras 2: Kolaborasi Berimpak Tinggi

merujuk kepada kerjasama bersepadu dalam ekosistem keusahawanan antara empat (4) elemen dalam Quadruple Helix yang terdiri daripada IPT yang terlibat, kerajaan, industri dan komuniti. Kolaborasi berkesan sangat penting dalam memastikan kualiti pendidikan keusahawanan, kebolehpasaran siswazah dan kelestarian kewangan IPT.

Teras 2 mempunyai dua (2) strategi, didorong oleh enam (6) inisiatif dan diukur oleh dua (2) KPI. KPI pertama ialah jumlah kolaborasi dengan agensi, industri, NGO, dan IPT (tempat atau antarabangsa). KPI kedua ialah jumlah syarikat, perusahaan atau projek perniagaan yang dibiayai oleh pemodal awal (*angel investor*), pemodal teroka (*venture capitalist*), entiti pendanaan awam (*crowdfunding*), geran agensi kerajaan, dan hadiah pertandingan pitching berkaitan keusahawanan.

Dua (2) strategi tersebut ialah:

- Strategi 4:** Mempuk Kerjasama Melalui Jaringan Keusahawanan
- Strategi 5:** Menambah Baik Pembiayaan Permulaan (*Seed Funding*) untuk Perniagaan Pelajar

6 Inisiatif
2 KPI

Teras 3: Inovasi dan Teknologi dalam Keusahawanan

menggalakkan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan melalui inovasi dan teknologi. Para pelajar disarankan mengambil 'peluang' untuk menjadi usahawan dan memulakan perniagaan dan bukan menjadi usahawan kerana 'keperluan' untuk meneruskan kehidupan.

Terdapat dua (2) strategi, enam (6) inisiatif dan dua (2) KPI di bawah teras ini. KPI pertama ialah jumlah pelajar yang terlibat dalam program berasaskan inovasi dan teknologi di IPT dan KPI kedua ialah jumlah syarikat pemula pelajar berasaskan inovasi dan teknologi yang dipacu secara digital.

Dua (2) strategi tersebut ialah:

- Strategi 6:** Mendorong Pelajar untuk Meningkatkan Inovasi dan Teknologi dalam Keusahawanan
- Strategi 7:** Menggalakkan Penubuhan Syarikat Pemula Berteraskan Inovasi dan Teknologi yang Dipacu Secara Digital

6 Inisiatif
2 KPI

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

BAHAGIAN KEUSAHAWANAN

Dalam usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi, Bahagian Keusahawanan, CGEE telah mewujudkan pelbagai inisiatif bagi membantu para pelajar dalam bidang keusahawanan. Berikut merupakan antara inisiatif yang telah dijalankan.



FUNGSI-FUNGSI JABATAN

BAHAGIAN KEUSAHAWANAN

Dana Zakat Keusahawanan



PROGRAM RINTIS USAHAWAN MUDA UNIMAP (PRUM)





PROGRAM MIKRO SISWAPRENEUR AL-QARD UNIMAP 2023 (PROMS AL-QARD)

2023



UnimAPMantap | #UnimAP4Society | #Engineering4Society
Bsmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

#gemilangbersamaunimap
www.unimap.edu.my

#UniversitiMalaysiaPerlis



FUNGSI-FUNGSI JABATAN

BAHAGIAN KEUSAHAWANAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM PERLESENAN DAN JUGA SKIM PROMS & PRUM (DANA ZAKAT KEUSAHAWANAN PELAJAR) UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	DOKUMEN	KOD	TARIKH	SEMAKAN
	GARIS PANDUAN		HALAMAN	DARIPADA
	GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM PROMS & PRUM DANA ZAKAT KEUSAHAWANAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS			

8. TATACARA / PROSES KERJA PENGANJURAN PROGRAM KEUSAHAWANAN


BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DI RUJUK	SAKSI UNDANG UNDANG/ PERATURAN
1	Pemohon Mengisi Borang Permohonan dan Rancangan Perniagaan & Menghantar permohonan Kepada Bahagian Keusahawanan, CGEE	Pegawai Bahagian Keusahawanan	
2	Penilaian & Semakan Oleh Bahagian Keusahawanan CGEE (Borang Lengkap/Tidak Lengkap)	Pegawai Bahagian Keusahawanan	
3	Semakan dan penilaian permohonan	Jawatankuasa Teknikal	
4	Kelulusan Permohonan	Jawatankuasa Teknikal	
5	Makluman kepada pemohon yang berjaya (pemohon yang berjaya secara automatik perlu mengisi borang permohonan lesen perniagaan)	Pegawai Bahagian Keusahawanan	
6	Pemohon melengkapkan dokumen (surat tawaran/ akuan setuju terima)	Pegawai Bahagian Keusahawanan	
7	Dana dimasukkan ke dalam akaun pelajar	Timbalan Pendaras/Pegawai Bahagian Keusahawanan	

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

BAHAGIAN KEUSAHAWANAN

PROSEDUR/GARIS PANDUAN

CARTA ALIR PROSES GERAK KERJA PERMOHONAN



KEBOLEHPASARAN GRADUAN

- MENGURUS DAN MEMANTAU PROGRAM PENJANA KPT-CAP
- MENGURUS DAN MEMANTAU PROGRAM PENJANA KPT-PACE
- MENGURUS DAN MEMANTAU PROGRAM INTERVENSI KEBOLEHPASARAN GRADUAN
- MENGANJURKAN KARNIVAL KERJAYA - NORTHERN INDUSTRIAL CAREER ENGAGEMENT
- MEMANTAU PROGRAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
- MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG KERJAYA
- MENGADAKAN JALINAN KOLABORASI DENGAN RAKAN-RAKAN STRATEGIK
- MENGANALISA SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

KEUSAHAWANAN


- MEMPERKASAKAN SISTEM SOKONGAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN
- MENGHASILKAN PELAJAR YANG MAMPU MENJANA PELUANG PEKERJAAN MELALUI KEUSAHAWANAN
- MENINGKATKAN BILANGAN PENDIDIK DENGAN KEPAKARAN KEUSAHAWANAN
- MEMUPUK KERJASAMA MELALUI JARINGAN KEUSAHAWANAN
- MENAMBAH BAIK PEMBIAYAAN PEMULAAN BAGI PERNIAGAAN PELAJAR
- MENOLONG PELAJAR MEMANFAATKAN INOVASI DAN TEKNOLOGI KEUSAHAWANAN
- MENGGALAKKAN PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA BERTERASKAN INOVASI DAN TEKNOLOGI YANG DIPACU SECARA DIGITAL

D. BUTIRAN JABATAN

ALAMAT

Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan
Aras 2, Bangunan Pentadbiran Pusat Pengajian Siswazah, Kampus Pauh Putra,
Universiti Malaysia Perlis
02600 Arau, Perlis.

LOKASI



Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan

<https://maps.app.goo.gl/x84qRwEErcZDiLfM8>

EMAIL



ge.cgee@unimap.edu.my



keusahawanan.cgee@unimap.edu.my

MEDIA SOSIAL

Facebook



Pusat Kebolehpasaran Graduan & Keusahawanan

<https://www.facebook.com/cgeeunimap>

